

PHSKL moden untuk keselesaan warga kota

HM 3/7/2022 m/s 19

Kuala Lumpur: Pembinaan bangunan baharu Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur (PHSKL) di sini dengan persekitaran yang lebih bersih, moden dan selesa merupakan inisiatif kerajaan dalam meningkatkan keselesaan serta kesejahteraan warga kota termasuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Menteri Wilayah Perseku-

tuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata pasar moden empat tingkat itu yang boleh memuatkan 673 gerai peniaga, dilengkapi pelbagai kemudahan seperti lif, eskalator, medan selera, parkir bertingkat, ruang panggah dan kamera litar tertutup (CCTV), selain susun atur ruang perniagaan yang lebih sistematik.

“Pasar ini turut menye-

diakan bilik pemrosesan bagi pembuatan ais untuk kegunaan peniaga yang menjual barangan basah serta dua bilik beku bagi penyimpanan barangan mentah.

“Selain itu, 641 petak parkir kereta dan 269 petak motosikal disediakan di dalam kompleks pasar yang turut

dilengkapi sembilan unit CCTV di luar dan 30 unit CCTV di dalam bangunan. Dengan adanya jaminan sebegini, semua pihak akan rasa terjamin dan selamat,” katanya ketika berucap merasmikan PHSKL dan jejamat Jalan Ipoh ke PHSKL.

Projek pembinaan PHSKL dengan peruntukan RM90 juta itu dimulakan pada 11 Mei 2018 dan siap dibina

pada 5 Nov 2020 sebelum ia mula beroperasi pada 1 Jun tahun lepas.

Shahidan berkata sebagai menyahut seruan kerajaan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), PHSKL turut dilengkapi sistem solar photovoltaic (PV) bagi tujuan mengurangkan penggunaan elektrik.

“Selain itu, sistem Penuaian Air Hujan juga dilaksanakan iaitu takungan air hujan diguna semula oleh

DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) bagi tujuan penyelenggaraan bangunan dan penyiraman tanaman di sekitar pasar,” katanya.

Beliau berkata jejambat sepanjang 350 meter yang menghubungkan Jalan Ipoh ke PHSKL juga siap dibina pada Mac lepas, bertujuan menangani kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar dan mempercepatkan perjalanan ke pasar moden itu terutama pada waktu puncak.



SHAHIDAN (kiri) melakukan lawatan ketika Majlis Perasmian Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur dan Jejambat Jalan Ipoh.

